



KENYATAAN MEDIA

FOKUS KKD DALAM BELANJAWAN 2023 MALAYSIA MADANI TINGKAT CAPAIAN INTERNET DAN RANCAKKAN EKONOMI DIGITAL RAKYAT

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) menyambut baik pengumuman Belanjawan 2023 yang merupakan cerminan prinsip Malaysia MADANI yang berteraskan sistem nilai yang luhur serta komprehensif untuk manfaat rakyat.

Belanjawan 2023 berjumlah RM388.1 bilion berfokus kepada tiga tekad iaitu pemanfaatan ekonomi yang terangkum dan mampan, reformasi institusi dan tatakelola yang baik.

Sehubungan itu, Belanjawan 2023 Malaysia MADANI dengan peruntukan kepada KKD berjumlah RM2.737 bilion akan mengutamakan kemudahan Internet untuk rakyat, merealisasikan Dekad Keemasan Ekonomi Digital serta mendukung usaha membangunkan industri kreatif.

Projek JENDELA akan dipercepatkan bagi kesalinghubungan digital di 47 kawasan pengindustrian dan hampir 3,700 buah sekolah dengan peruntukan RM725 juta untuk memastikan rakyat mendapat kemudahan Internet yang stabil. KKD menyambut baik saranan kerajaan agar Digital Nasional Berhad (DNB) diuruskan dengan lebih telus. Usaha ini penting bagi memastikan rakyat mendapat liputan 5G yang menyeluruh dan pada harga yang berpatutan.

Peranan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) akan diperkasakan bagi membantu peniaga kecil dengan pengetahuan ICT dan e-Dagang. Sekurang-kurangnya satu (1) PEDi akan diwujudkan di setiap DUN bagi meningkatkan literasi digital dalam kalangan rakyat serta menggalakkan penyertaan komuniti dalam aktiviti ekonomi digital seiring dengan inisiatif KKD.

KKD melalui Perbadanan Ekonomi Digital (MDEC) akan melatih lebih ramai pekebun kecil beradaptasi dengan teknologi digital menerusi program Digital AgTech ke 100 Pertubuhan Peladang Kawasan seluruh negara dengan peruntukan RM10 juta.

KKD juga amat mengalu-alukan usaha kerajaan mengukuhkan peranan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) bagi mengekang jenayah penipuan dalam talian. Inisiatif kerajaan ini akan mempercepatkan usaha-usaha advokasi yang dilaksanakan KKD melalui CyberSecurity Malaysia bagi memerangi jenayah penipuan dalam talian.

Peruntukan Dana Kandungan Digital berjumlah RM102 juta diharap membuka lebih banyak peluang kepada penggiat seni menghasilkan pelbagai karya kreatif seperti filem, animasi dan muzik yang bermutu tinggi yang bukan sahaja berjaya di pasaran tempatan malah mampu menembusi pasaran antarabangsa. Selain itu, bagi menyokong industri kreatif negara, sumbangan kepada Tabung Komuniti Filem dan Pembangunan Filem Kenegaraan di bawah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) akan diberi potongan cukai manakala duti import serta cukai jualan ke atas peralatan studio dan produksi penggambaran juga akan dikecualikan.

Dalam usaha membangunkan negara Malaysia MADANI, Belanjawan 2023 merupakan pemacu bagi mendepani cabaran ekonomi semasa dan menjamin kesejahteraan rakyat.

FAHMI FADZIL
MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL

24 Februari 2023